

Bil. S 5

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH BANK PEMBANGUNAN ASIA, 2006

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Kuasa untuk melanggan saham-saham Bank.
4. Jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank.
5. Kuasa untuk mendapatkan pinjaman.
6. Penerbitan nota tak boleh niaga dll.
7. Wang yang diterima oleh Kerajaan.
8. Peruntukan-peruntukan tertentu Perjanjian hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang.
9. Penggal 39 tidak boleh dikenakan.
10. Aturan-aturan.

JADUAL – PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PERJANJIAN YANG MEMPUNYAI KUATKUASA UNDANG-UNDANG

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH BANK PEMBANGUNAN ASIA, 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Bank Pembangunan Asia, 2006.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk melaksanakan Perjanjian yang menubuhkan Bank Pembangunan Asia bagi membolehkan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi ahlinya, dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Perjanjian" bermakna Perjanjian yang menubuhkan Bank Pembangunan Asia yang diperbuat di Manila pada 4hb. Disember, 1965, yang mula berkuatkuasa pada 22hb. Ogos, 1966;

"Perkara" bermakna suatu Perkara dalam Perjanjian itu;

"Bank" bermakna Bank Pembangunan Asia;

"Menteri" bermakna Menteri Kewangan.

Kuasa untuk melanggan saham-saham Bank.

3. Menteri adalah dengan ini diberi kuasa bagi pihak Kerajaan menurut Perkara 5 dan Resolusi Bil. 316 Lembaga Gabenor Bank dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, untuk melanggan 12,462 saham dari saham modal Bank pada nilai par \$10,000 sesaham berdasarkan dolar Amerika Syarikat yang berkuatkuasa pada 31hb. Januari, 1966 di mana 876 saham adalah saham-saham dibayar dan 11,586 adalah saham-saham boleh panggil.

Jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank.

4. (1) Berikut adalah dikenakan kepada Kumpulanwang Yang Disatukan —

(a) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank melalui langganan kepada saham modalnya yang dibayar menurut bab 3, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara-Perkara 5 dan 6 dan Resolusi Bil. 316 Lembaga Gabenor Bank;

(b) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank melalui langganan kepada saham modalnya boleh panggil apabila dan jika dikehendaki oleh Bank, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 5 Perkara 6 dan Resolusi Bil. 316 Lembaga Gabenor Bank;

(c) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Bank di bawah sebarang peruntukan lain Perjanjian itu;

(d) semua jumlah wang yang dikehendaki untuk menebus apa-apa nota atau obligasi yang diwujudkan dan diterbitkan kepada Bank di bawah bab 6; dan

(e) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Dana Pembangunan Asia Bank.

(2) Semua jumlah wang yang dikenakan kepada Kumpulanwang Yang Disatukan di bawah bab ini boleh dibayar dengan emas, dolar Amerika Syarikat atau dalam matawang tempatan.

Kuasa untuk mendapatkan pinjaman.

5. Bagi maksud-maksud mengadakan sebarang jumlah wang yang dikehendaki untuk membuat apa-apa pembayaran kepada Bank, Menteri boleh, bagi pihak Kerajaan dan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mendapatkan pinjaman dengan mewujudkan dan menerbitkan sekuriti-sekuriti yang mempunyai kadar faedah dan tertakluk kepada syarat-syarat tentang pembayaran balik, penebusan atau pun selainnya sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, dan prinsipal dan faedah sekuriti-sekuriti itu dan sebarang perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan penerbitannya hendaklah dikenakan kepada dan dibayar dari Kumpulanwang Yang Disatukan.

Penerbitan nota tak boleh niaga dll.

6. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mewujudkan dan menerbitkan kepada Bank, dalam bentuk sebagaimana yang difikirkannya patut, apa-apa nota

tak boleh niaga dan tanpa faedah atau obligasi lain sebagaimana yang diperuntukkan oleh perenggan 3 Perkara 6.

Wang yang diterima oleh Kerajaan.

7. Semua jumlah wang yang diterima oleh atau bagi pihak Kerajaan daripada Bank hendaklah dibayar masuk ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan.

Peruntukan-peruntukan tertentu Perjanjian hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang.

8. (1) Peruntukan-peruntukan Penggal VIII Perjanjian yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang:

Dengan syarat bahawa —

(a) Bank, hartanya dan operasi dan transaksinya hendaklah dikecualikan menurut Perkara 56 dari semua pencukaian dan sebarang obligasi untuk membayar, menahan atau memungut sebarang cukai atau duti, termasuk sebarang cukai tak langsung, seperti cukai jualan atau nilai tambahan;

(b) tiada sebarang apa pun dalam Perkara 56 boleh ditafsirkan sebagai memberikan kepada Bank sebarang pengecualian dari cukai atau duti yang sebenarnya tidak lebih dari bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan;

(c) Bank hendaklah dibenarkan untuk membawa masuk barang-barang dan benda-benda bebas dari semua duti, cukai dan levi lain kastam, dan apa-apa barang dan benda yang dibawa masuk di bawah pengecualian itu boleh dilupuskan secara tempatan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dipersetujui dengan Kerajaan yang tidak kurang baiknya dari syarat-syarat yang dikenakan kepada mana-mana organisasi antarabangsa dan kerajaan lain termasuk misi diplomatiknya di Negara Brunei Darussalam.

(2) Menteri boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual bagi menepati sebarang pindaan kepada Perjanjian yang dinyatakan di dalamnya yang boleh selepas ini dibuat dan diterima-pakai.

Penggal 39 tidak boleh dikenakan.

9. Bank hendaklah dianggap bukan sebagai suatu syarikat dalam makna Akta Syarikat (Penggal 39); dan peruntukan-peruntukan Akta itu dengan yang demikian tidak boleh dikenakan kepada Bank atau penerbitan sebarang saham, debentur, bon, nota atau sekuriti lain oleh Bank.

Aturan-aturan.

10. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Aturan-aturan tersebut boleh memasukkan peruntukan-peruntukan sampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

JADUAL

(bab 8)

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN
PERJANJIAN YANG MEMPUNYAI KUATKUASA UNDANG-UNDANG**

PENGGAL VIII

STATUS, KEKEBALAN, PENGECUALIAN DAN KEISTIMEWAAN

Perkara 48

TUJUAN PENGGAL

Untuk membolehkan Bank melaksanakan dengan berkesan tujuannya dan menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya, maka status, kekebalan, pengecualian dan keistimewaan yang dinyatakan dalam Penggal ini hendaklah diberikan kepada Bank di dalam wilayah tiap-tiap ahli.

Perkara 49

STATUS UNDANG-UNDANG

Bank hendaklah mempunyai personaliti juridikal penuh dan, khususnya, keupayaan penuh:

- (i) untuk membuat kontrak;
- (ii) untuk memperolehi, dan melupuskan, harta alih dan harta tak alih; dan
- (iii) untuk memulakan prosiding undang-undang.

Perkara 50

KEKEBALAN DARI PROSIDING KEHAKIMAN

1. Bank hendaklah menikmati kekebalan dari segala bentuk proses undang-undang, kecuali dalam kes-kes yang berbangkit dari atau berhubung dengan perjalanan kuasa-kuasanya untuk meminjam wang, untuk menjamin obligasi, atau untuk membeli dan menjual atau menaja jamin penjualan sekuriti, dalam kes-kes tersebut tindakan boleh dibawa terhadap Bank di dalam sebuah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak di dalam wilayah sesebuah negara di mana Bank mempunyai pejabat utama atau cawangan, atau telah melantik seorang ejen bagi maksud menerima perkhidmatan atau notis proses, atau telah menerbitkan atau menjamin sekuriti.
2. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini, tiada tindakan boleh dibawa terhadap Bank oleh mana-mana ahli, atau oleh mana-mana agensi atau dengan bantuan ahli, atau oleh mana-mana entiti atau orang yang secara langsung atau tidak langsung bertindak bagi atau mendapat tuntutan daripada ahli atau daripada mana-mana agensi atau dengan bantuan ahli. Ahli-ahli hendaklah menggunakan prosedur khas untuk menyelesaikan perbalahan di antara Bank dan ahli-ahlinya sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam Perjanjian ini, dalam undang-undang kecil dan peraturan-peraturan Bank, atau dalam kontrak-kontrak yang dibuat dengan Bank.
3. Harta dan aset Bank, hendaklah, di mana sahaja terletak dan dipegang oleh sesiapa sahaja, kebal dari segala bentuk rampasan, penahanan atau perlaksanaan sebelum penghakiman muktamad disampaikan terhadap Bank.

Perkara 51

KEKEBALAN ASET

Harta dan aset Bank, di mana sahaja terletak dan dipegang oleh sesiapa sahaja, hendaklah kebal dari carian, rekuisisi, perampasan, ekspropriasi atau sebarang bentuk pengambilan atau perampasan harta yang lain melalui tindakan eksekutif atau undang-undang.

Perkara 52

KEKEBALAN ARKIB

Arkib Bank, dan, pada amnya, semua dokumen kepunyaan Bank, atau yang dipegang olehnya, tidak boleh dicabuli, di mana sahaja terletak.

Perkara 53

KEBEBAAN ASET DARI SEKATAN

Setakat yang perlu untuk melaksanakan tujuan dan tugas-tugas Bank dengan berkesan, dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, semua harta dan aset Bank hendaklah bebas dari sebarang bentuk sekatan, peraturan, kawalan dan moratorium.

Perkara 54

KEISTIMEWAAN PERHUBUNGAN

Perhubungan rasmi Bank hendaklah diberikan oleh tiap-tiap ahli layanan yang tidak kurang baiknya dari layanan yang diberikan olehnya kepada perhubungan rasmi mana-mana ahli lain.

Perkara 55

KEKEBALAN DAN KEISTIMEWAAN PERSONEL BANK

Semua Gabenor, Pengarah, pengganti, pegawai dan pekerja Bank, termasuk pakar-pakar yang melaksanakan misi untuk Bank:

- (i) hendaklah kebal dari proses undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan yang dilaksanakan oleh mereka atas sifat rasmi mereka, kecuali apabila Bank mengenepikan kekebalan itu;
- (ii) jika mereka bukan warganegara atau rakyat tempatan, hendaklah diberikan kekebalan yang sama dari sekatan imigresen, kehendak pendaftaran orang asing dan obligasi khidmat negara, dan kemudahan-kemudahan yang sama berhubung dengan peraturan-peraturan pertukaran, sebagaimana yang diberikan oleh ahli-ahli kepada wakil, pegawai dan pekerja ahli-ahli lain yang sama pangkatnya; dan
- (iii) hendaklah diberikan layanan yang sama berkaitan dengan kemudahan-kemudahan perjalanan sebagaimana yang diberikan oleh ahli-ahli kepada wakil, pegawai dan pekerja ahli-ahli lain yang sama pangkatnya.

Perkara 56

PENGECUALIAN DARI PENCUKAIAN

1. Bank, aset, harta, pendapatannya dan operasi dan transaksinya, hendaklah dikecualikan dari semua pencukaian dan dari semua duti kastam. Bank hendak-

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

lah juga dikecualikan dari sebarang obligasi untuk membayar, menahan atau memungut sebarang cukai atau duti.

2. Tiada cukai boleh dilevi ke atas atau berkaitan dengan gaji dan emolumen yang dibayar oleh Bank kepada Pengarah-Pengarah, pengganti-pengganti, pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja Bank, termasuk pakar-pakar yang melaksanakan misi untuk Bank, kecuali jika ahli menyimpan dengan suratcara ratifikasi atau penerimaannya suatu pengakuan bahawa ahli itu mengekalkan untuknya sendiri dan bahagian kecil politiknya hak untuk mengenakan cukai ke atas gaji dan emolumen yang dibayar oleh Bank kepada warga-negara atau rakyat ahli itu.
3. Tiada sebarang jenis cukai boleh dilevi ke atas sebarang obligasi atau sekuriti yang diterbitkan oleh Bank, termasuk sebarang dividen atau faedah ke atasnya, yang dipegang oleh sesiapa sahaja:
 - (i) yang beza-membezakan obligasi atau sekuriti itu hanya kerana ia diterbitkan oleh Bank; atau
 - (ii) jika satu-satunya asas bidang kuasa bagi pencukaian tersebut adalah tempat atau matawang di mana ia diterbitkan, kena dibayar atau dibayar, atau lokasi mana-mana pejabat atau tempat perniagaan yang diselenggarakan oleh Bank.
4. Tiada sebarang jenis cukai boleh dilevi ke atas sebarang obligasi atau sekuriti yang dijamin oleh Bank, termasuk sebarang dividen atau faedah ke atasnya, yang dipegang oleh sesiapa sahaja:
 - (i) yang beza-membezakan obligasi atau sekuriti itu hanya kerana ia dijamin oleh Bank; atau
 - (ii) jika satu-satunya asas bidang kuasa bagi pencukaian tersebut adalah lokasi mana-mana pejabat atau tempat perniagaan yang diselenggarakan oleh Bank.

Perkara 58

PENEPIAN KEKEBALAN, PENGECUALIAN DAN KEISTIMEWAAN

Bank atas budi bicaranya boleh mengenepikan sebarang keistimewaan, kekebalan dan pengecualian yang diberikan di bawah Penggal ini dalam sebarang kes atau hal, mengikut cara dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya sebagai bersesuaian bagi kepentingan terbaik Bank.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 25 haribulan April, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**